

dapat kita nampak dengan terang apa anasir-anasir yang bakal meruntun ketinggian dan taraf Islam di negeri ini dengan menggunakan mereka-mereka daripada orang-orang kita yang tebal muka yang tergamak mengingkarkan kesucian al-Quran dan al-Hadis kerana memandang kepada dorongan-dorongan anasir-anasir yang cuba meruntuhkan kemuliaan dan ketinggian Islam.

Perkara yang kecil selalu diperbesarkan mereka kerana masalah-masalah itu kerana tidakkah masyarakat kita di sini pada umumnya jarang benar mengahwinkan anaknya di bawah umur 16 tahun? Berjalan begini tidak mengacu dan tidak ditegah oleh agama dan mengapa pula kita hendak mengubah apa-apa yang telah diperundang-undang oleh Islam? Bahaya yang akan tertimpa jika kehendak anasir-anasir itu diluaskan dengan diperundang-undangkan itu adalah mengingatkan saya bagaimana perkahwinan sesorang perempuan Cina dengan lelaki Islam telah diceraikan oleh kuatkuasa undang-undang pada hal mereka telah pun bersuami isteri selama setahun lamanya. Kejadian ini berlaku di Muaratiwi di daerah Banjar Masin. Oleh yang demikian jananglah ketua-ketua Islam, terutamanya pertubuhan-pertubuhan Islam mencuaikan di dalam perkara ini dan jika ada sesuatu percubaan yang bakal menyinggung perasaan orang-orang Islam dengan sifat yang menghinakan seperti yang dilakukan oleh akhbar "Singapore Standard" itu wajib dibidas bukannya oleh seseorang atau oleh sesebuah pertubuhan tetapi dibantah oleh kaum muslimin supaya mereka mengetahui di mana orang Islam berdiri untuk mempertahankan kemuliaan agamanya.

-----*-----*-----

Perempuan itu seperti gula-gula itu walau bagaimanapun ia menjaga dirinya adalah payah dipelihara daripada dikerumuni oleh semut. Sebab itu selain daripada ia menjaga dirinya maka ia mustahak pula dikawal – kata seorang hakim.

APA YANG TUAN SUSAHKAN?

Sekiranya tuan kaji dengan sedalam-dalamnya akan cara hidup di dunia ini sudah tentu tuan tidak akan mendapat satu benda pun yang menyusahkan hati, kerana seseorang yang hidup berjuang sudah tetap akan menerima dua perkara – pertama berjaya di dalam perjuangannya, kedua mundur di dalam segala gerak langkahnya.

Kalau ia telah berjaya, rasanya tak ada apa yang hendak disusahkan lagi. Kalau pula ia mundur, maka ia sudah tentu mempunyai salah satu daripada dua perkara – pertama bertubuh sihat, kedua berpenyakit.

Kalau ia seorang yang bertubuh sihat, rasanya tidak perlu ia bersusah hati. Kalau pula ia sakit merana, maka penyakitnya itu dapat dipecahkan kepada dua bahagian – pertama ia lambat sangat akan sembuh, kedua, tandanya ia sedang mara ke liang kubur.

Kalau pula ia telah sembuh daripada penyakitnya itu, sudah tentu tak payah lagi ia menanggung susah. Tetapi kalau pula dialah orangnya yang telah hampir ajalnya maka dengan tidak ada syak lagi bahawa ia akan menerima dua ketetapan – pertama akan masuk syurga, kedua ia akan pergi terus ke neraka.

Kalau dialah orangnya yang akan masuk syurga, maka apa yang hendak disusahkan lagi, dan alangkah bahagianya?

Kalau dia pula yang akan masuk neraka, maka sudah barang tentu tak akan ia mendapat masa hendak menyebut-nyebut akan segala susah payahnya, kerana sepanjang-sepanjang masa itu ia sedang tenggelam timbul bersama-sama dengan segala sahabat handainya yang telah terdahulu masuk ke situ!

-----*-----*-----

Hormatilah orang tua kerana ia mengenal Tuhan lebih dahulu daripadamu – dan kasihanilah orang yang muda kerana ia lebih banyak tertipu dengan dunia daripadamu – "kata Ibnu al-Mu'taz"